

**Kertas Bil. 83/2015**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PEJABAT TANAH DAN DAERAH (JP-PADAT) BAGI  
DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG MASALAH  
KECURIAN PASIR DI KAWASAN PENTADBIRAN  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DI SELANGOR**

---



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)**  
**BERHUBUNG MASALAH KECURIAN PASIR DI KAWASAN PENTADBIRAN**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH DI SELANGOR**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Ini adalah Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) (selepas ini disebut sebagai "Jawatankuasa").
- 1.2. Penyata ini akan membentangkan secara khusus masalah-masalah yang dihadapi oleh beberapa Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Selangor berhubung isu kecurian pasir yang dibangkitkan di dalam Sidang Dewan yang lalu.
- 1.3. Pembentangan Penyata ini bertujuan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri masalah berkenaan dan mengemukakan syor yang perlu diambil supaya masalah kecurian dan *stock pile* pasir secara haram dapat dibendung dan mengelakkan kehilangan hasil negeri.
- 1.4. Penyata ini akan menyenaraikan setiap permasalahan yang dihadapi oleh PDT-PDT seterusnya diikuti dengan saranan Jawatankuasa ini untuk tindakan pihak Kerajaan Negeri.

**2. AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

- 2.1. Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa ini:

a)	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (ADN Kawasan Bangi)	Pengerusi
b)	Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (ADN Kawasan Sri Muda)	Ahli
c)	Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Kampung Tunku)	Ahli
d)	Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
e)	Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (ADN Sungai Pelek)	Ahli
f)	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (ADN Kawasan Gombak Setia)	Ahli
g)	Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (ADN Kawasan Sungai Panjang)	Ahli

### **3. SAKSI/PEGAWAI YANG HADIR UNTUK MEMBERIKAN KETERENGAN**

3.1. Jabatan yang dijemput untuk memberikan penerangan adalah seperti berikut:

a) **Pejabat Daerah dan Tanah Petaling**

- (i) Y.Bhg. Dato' Haji Misri bin Haji Idris  
*Pegawai Daerah*
- (ii) Encik Mohd Farid bin Shaharir  
*Penolong Pegawai Daerah (Penguatkuasaan)*

b) **Pejabat Daerah dan Tanah Gombak**

- (i) Encik Mohamed Zamir Shah bin Hamzah  
*Penolong Pegawai Daerah (Unit Teknikal dan Penguatkuasaan)*

c) **Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat**

- (i) Tuan Haji Zul-Kefli@Zulkefli bin Khalid  
*Pegawai Daerah*
- (ii) Encik Muhammad Razif bin Ruba'ai  
*Penolong Pegawai Daerah (Unit Teknikal dan Penguatkuasaan)*
- (iii) Puan Effy Rafidah binti Bidin  
*Penolong Pegawai Daerah (Unit Pelupusan)*

d) **Pejabat Daerah dan Tanah Klang**

- (i) Tuan Mohd Zainal bin Mohd Nor  
*Pegawai Daerah*
- (ii) Puan Rahilah binti Rahmat  
*Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)*
- (iii) Encik Shaheezan bin Sahid  
*Penolong Pegawai Tanah*

e) **Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat**

- (i) Puan Norazian binti Kamaruddin  
*Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)*
- (ii) Encik Ahmad Afiffuddin bin Mhd Adnan  
*Penolong Pegawai Daerah (Unit Teknikal & Penguatkuasaan)*

(iii) Encik Azhar bin Alias  
*Ketua Penolong Pegawai Tanah*

f) **Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor**

- (i) Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor  
*Pegawai Daerah*
- (ii) Encik Kamarul Amir bin Haji Kasim  
*Penolong Pegawai Daerah (Unit Teknikal dan Penguatkuasaan)*
- (iii) Encik Mustaffa bin Harudin  
*Ketua Penolong Pegawai Tanah*
- (iv) Encik Asrulhakim bin Musa  
*Penolong Pegawai Tanah*

#### 4. FAKTA DAN PENEMUAN

##### 4.1. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Gombak

- a) Secara keseluruhannya, PDT Gombak memaklumkan hasil daripada ops statik dan pemantauan berterusan yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan PDT Gombak, kesemua sebelas buah (11) tapak pengeluaran pasir yang tidak diuruskan oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) telah ditarik balik permit pengeluaran pasirnya selaras dengan arahan Pihak Berkuasa Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bilangan ke-11/2009 dan bilangan 12/2009. Semua tapak tersebut adalah terletak di atas tanah hak milik Kerajaan Negeri. Sehingga tarikh pendengaran tertutup ini, kesemua tapak tersebut telah ditutup. Jadual lengkap berkenaan status tapak-tapak pengeluaran pasir adalah seperti di **Lampiran I**.
- b) Pada masa ini, tanah-tanah kerajaan yang ditutup tersebut tidak dibangunkan. Pihak PDT Gombak memaklumkan bahawa kesesuaian tanah-tanah tersebut akan dikaji oleh Jabatan Alam Sekitar. Pembangunan dan tindakan selanjutnya terpulang kepada agensi-agensi berkaitan untuk membuat keputusan. Namun demikian, Pihak PDT Gombak mengesahkan tiada tindakan susulan yang diambil terhadap tanah-tanah tersebut.
- c) Pihak PDT Gombak turut memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa keperluan untuk menambah bilangan penguat kuasa bertujuan meningkalkan pemantauan dan pengawalsupervisyon efektif secara berterusan. Ini bukan sahaja bagi mengekang masalah kecurian pasir tetapi juga bagi mengatasi masalah-masalah lain seperti pencerobohan tanah kerajaan dan sebagainya. Pihak PDT telah memohon pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri namun masih belum mendapat maklum balas.

- d) Mengenai keperluan dibekalkan senjata api, pihak PDT Gombak berpandangan bahawa penguat kuasa-penguat kuasa tidak perlu dibekalkan dengan senjata api kerana isu ugutan samseng masih berada dalam keadaan yang terkawal. Tambahan pula, pihak PDT Gombak mendapat kerjasama yang amat baik daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) setiap kali operasi atau serbuan dijalankan.
- e) Berkenaan isu *stockpile* transit pasir, Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Selangor Bil. 2/2014 menyatakan bahawa segala urusan pemindahan *stockpile* transit pasir adalah dikelolakan oleh KSSB tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh PDT. KSSB akan mengenakan caj perkhidmatan sebanyak RM 4.50 untuk setiap tan metrik pasir kepada pengusaha bagi pasir yang dipindahkan oleh mereka dari tapak *stockpile*.

#### 4.2. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Petaling

- a) Secara keseluruhannya, PDT Petaling telah menjelaskan kepada Jawatankuasa bahawa tidak terdapat kes melombong pasir haram di daerah Petaling tetapi terdapat beberapa buah tapak yang digunakan untuk mencuci pasir seperti mana yang disebut di muka surat 2, **Lampiran II**.
- b) Yang Berhormat Kinrara meminta penjelasan daripada pihak PDT Petaling berkenaan tiga lagi tapak di kawasan Puchong yang didakwa menjalankan aktiviti pemindahan pasir haram iaitu di Puchong Intan, Taman Kinrara Seksyen 4 dan sebuah tapak berhampiran IOI Mall.
- c) Pihak PDT Petaling memaklumkan bahawa pemantauan telah dilakukan di tapak Puchong Intan dan mendapati bahawa pasir yang dikeluarkan di situ hanya digunakan untuk kegunaan sendiri. Tiada tindakan boleh diambil memandangkan ia merupakan tanah hak milik dan tiada bukti pemindahan pasir berlaku. Ini selaras dengan peruntukan Seksyen 426, Kanun Tanah Negara. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa tindakan hanya boleh dilakukan sekiranya pengorekan pasir dibuat di atas tanah milik kerajaan atau ada operasi pemindahan/ transit keluar dari kawasan berkenaan.
- d) Walaupun begitu, pihak PDT Petaling memaklumkan Jawatankuasa bahawa pemantauan akan dibuat bagi membanteras operasi pemindahan pasir-pasir berkenaan, jika ada, bagi dua (2) lagi kawasan lain yang dibangkitkan.
- e) Menyentuh hal berkaitan pemantauan dan penguatkuasaan, Dato' Pegawai Daerah mengakui bahawa penguatkuasaan berkenaan isu-isu kecurian pasir/operasi pasir haram bukan menjadi keutamaan kepada PDT Petaling disebabkan aktiviti berkaitan hal ini yang agak kurang berbanding dengan di daerah-daerah lain.

- f) Selain itu, bilangan penguat kuasa yang kecil turut menyebabkan keutamaan perlu diberikan kepada hal-hal lain seperti pencerobohan tanah kerajaan, pelanggaran syarat guna tanah serta pemindahan bahan batuan yang lain. Buat masa ini, Jawatankuasa difahamkan bahawa unit penguatkuasaan PDT Petaling terdiri daripada tujuh (7) orang anggota penguat kuasa, dua (2) orang Pegawai Penempatan (SO), seorang Pegawai dan sebuah kenderaan pacuan empat roda Hilux.
- g) Pihak PDT Petaling telah menghantar kertas cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan penguat kuasa dan juga kenderaan supaya kerja pemantauan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih efektif dengan mengambil kira kepadatan penduduk di daerah Petaling (seramai 2.1 juta penduduk), saiz kawasan dan juga hasil yang disumbangkan kepada Kerajaan Negeri (lebih kurang RM 600 juta pada tahun 2014).

#### **4.3. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat**

- a) Pihak PDT Hulu Langat memaklumkan Jawatankuasa berkenaan kekangan tenaga kerja dan logistik yang dihadapi oleh unit penguatkuasaan, sama seperti PDT-PDT yang lain. Daerah Hulu Langat merangkumi dua PBT yang besar iaitu MPAJ dan MPKj, dengan kepadatan penduduk seramai 1.5 juta orang. Namun begitu, mereka hanya mempunyai 12 orang penguat kuasa dan dua (2) buah kenderaan untuk memantau lebih kurang enam belas (16) *hotspot* di sekitar daerah Hulu Langat seperti berikut:
  - (i) Kampung Pajam, Mukim Beranang
  - (ii) Bersebelahan Permuahan Taman Sri Haneco, Jalan Sg. Lalang
  - (iii) Kampung Pajam, Mukim Beranang
  - (iv) Sg. Jelok, Mukim Kajang (Tanah PKNS)
  - (v) Sg. Semungkis, Hulu Langat
  - (vi) Sg. Pening, Mukim Hulu Semenyih
  - (vii) Sg. Kembung Hilir
  - (viii) Berhampiran Rumah Sahabat, Hulu Langat
  - (ix) Hill Park, Bandar Teknologi, Mukim Semenyih
  - (x) Kampung Pajam, Mukim Beranang
  - (xi) Kampung Pajam, Mukim Beranang
  - (xii) Sg. Jelok, Mukim Kajang (Tanah PKNS)
  - (xiii) Sg. Gahal, Batu 14, Mukim Hulu Langat
  - (xiv) Bukit Enggang, Mukim Cheras
  - (xv) Balu 14, Mukim Hulu Langat
  - (xvi) Sebelah Perumahan Twin Palms, tepi Lebuh raya Tol Sg. Long
- b) Tuan Pegawai Daerah turut memaklumkan Jawatankuasa bahawa sekiranya unit penguatkuasaan melakukan 3 pusingan sehari bagi tujuan

operasi statik (memantau *hotspot-hotspot* kecurian pasir) kesemua tenaga kerja Penguatkuasaan PDT Hulu Langat akan digunakan bagi tujuan tersebut. Ini juga menghalang PDT Hulu Langat daripada melakukan penguatkuasaan bagi isu-isu lain seperti pembuangan sampah haram, pencerobohan tanah-tanah rizab/kerajaan dan sebagainya.

- c) Tuan Pegawai Daerah juga mengesahkan bahawa permohonan untuk mendapatkan pertambahan jumlah penguat kuasa tidak mendapat maklum balas daripada Pihak Berkuasa Negeri.
- d) Bagi isu keselamatan pegawai-pegawai penguat kuasa, Tuan Pegawai Daerah berpandangan bahawa mereka perlu dilengkapi dengan senjata api. Namun demikian sekiranya terdapat halangan daripada segi prosedur dan keselamatan (terutama sekali penyimpanan senjata-senjata api tersebut), pihak PDT Hulu Langat mencadangkan supaya penguat kuasa dapat dibekalkan dengan jaket/baju kalis peluru.
- e) Pada masa ini, pihak PDT Hulu Langat hanya menyediakan insurans berkelompok. Tuan Pegawai Daerah turut mencadangkan bahawa perlindungan insurans individu secara tahunan perlu diberikan kepada pegawai-pegawai penguat kuasa demi menjamin keselamatan mereka.

#### 4.4. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang

- a) Jawatankuasa difahamkan bahawa PDT Klang hanya menghadapi masalah berkenaan isu kecurian pasir laut dan *stockpile* pasir laut. Dua kes utama yang berlaku di dalam daerah Klang adalah seperti berikut:
  - (i) Aktiviti menyedut pasir di perairan Pulau Indah oleh Tetuan Inai Kiara Sdn Bhd (**Rujuk Lampiran IV**); dan
  - (ii) *Stockpile* pasir laut oleh Tetuan Mountain Yoong Oil Industries Sdn Bhd (**Rujuk Lampiran IV**).
- b) Bagi aktiviti *stockpile* pasir laut oleh Tetuan Mountain Yoong, pihak PDT Klang memaklumkan bahawa setakat ini, Kerajaan Negeri masih tidak mempunyai dasar yang jelas berkenaan aktiviti *stockpile* pasir laut memandangkan Pekeliling dari Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bil. 2/2014 tidak menerangkan secara jelas berkaitan permohonan permit bagi pasir transit/*stockpile* pasir adalah termasuk pasir laut. Menurut pandangan PDT Klang, pekeliling berkaitan menjelaskan aktiviti *stockpile* pasir daratan. Tetuan Mountain Yoong telah mendapat permit daripada JKPTG untuk mengekstrak pasir dan batu lautan dalam jarak 3 batu nautika dari pesisir pantai.
- c) Pihak PDT Klang memaklumkan Jawatankuasa bahawa perkara ini sudah dibangkitkan untuk perhatian PTGS dan pandangan perundangan juga telah diminta daripada Penasihat Undang-Undang PTGS. Jawatankuasa

difahamkan bahawa Tetuan Mountain Yoong telah memberikan kerjasama yang amat baik dengan memastikan laporan dihantar pada setiap minggu. Pasir-pasir tersebut digunakan untuk menambak laut bagi projek-projek di sekitar kawasan tersebut.

- d) Bagi aktiviti menyedut pasir laut oleh Tetuan Inai Kiara Sdn Bhd, penyedutan pasir tersebut dijalankan di kawasan perairan Pulau Indah (di dalam lingkungan 3 batu nautika daripada pesisir pantai) di mana pasir-pasir tersebut dipamkan terus ke tapak Projek Pulau Indah Industrial Park Fasa 3 untuk kerja-kerja penambakan. Namun demikian Jawatankuasa difahamkan bahawa tiada maklumat tepat bahawa Tetuan Inai Kiara membekalkan pasir-pasir tersebut kepada pengusaha Projek Pulau Indah Industrial Park tersebut iaitu Central Spectrum Sdn Bhd.
- e) Pihak PDT Klang telah mengambil tindakan dengan melakukan rondaan dan tidak teragak-agak untuk mengenakan kompaun sekiranya mempunyai bukti yang kukuh bahawa Tetuan Inai Kiara telah menjalankan aktiviti tersebut secara haram.
- f) Selain daripada masalah berkenaan ketidakjelasan berkenaan dasar aktiviti *stockpile* pasir laut (interpretasi serta kesesuaian penggunaan Pekeliling PTGS Bil. 2/2014), pihak PDT Klang juga memohon supaya keupayaan tenaga kerja serta logistik Unit Penguatkuasaan dapat dipertingkatkan dan ditambah baik (seperti pembelian bot rondaan kerana buat masa ini, mereka bergantung pada bot rondaan milik jabatan-jabatan lain).

#### 4.5. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Selangor

- a) Secara keseluruhannya, PDT Kuala Selangor telah mengeluarkan 10 permit pengeluaran pasir kepada KSSB (termasuk *stockpile* pasir). PDT Kuala Selangor turut menjelaskan kepada Jawatankuasa bahawa mereka telah mengutip royalti pasir di daerah Kuala Selangor sebanyak RM 8.09 juta (sehingga Mei 2015). Kutipan royalti ini disalurkan terus ke Bendahari Negeri oleh KSSB (melalui PDT Kuala Selangor).
- b) Jawatankuasa dimaklumkan pada masa ini, daerah Kuala Selangor tidak mempunyai aktiviti kecurian pasir hasil daripada langkah-langkah membendung gejala ini seperti rondaan berjadual, pemantauan di kawasan serta pemeriksaan doket pasir di lokasi permit. PDT Kuala Selangor memaklumkan bahawa kekuatan anggota unit penguatkuasaan ini terdiri daripada 5 orang pegawai, 8 orang pembantu penguat kuasa dan 3 orang pemandu selain daripada kekuatan logistik/ peralatan.
- c) Namun demikian, Jawatankuasa dimaklumkan bahawa kenderaan sedia ada sudah uzur (kenderaan Pajero yang digunakan telah beroperasi sejak 1992), keupayaan alat komunikasi yang terhad (hanya berfungsi dalam radius 1 km sahaja) dan kekangan anggota. (Unit Penguatkuasaan

mempunyai kekurangan anggota, tidak diberi elauan kritikal, tiada perlindungan insurans dan lain-lain). Oleh yang demikian, mereka memohon supaya pihak Kerajaan Negeri dapat memberi peruntukan sewajarnya untuk mengatasi isu-isu dan permasalahan ini, sesuai dengan jumlah pendapatan negeri yang diperoleh daripada royalti hasil pasir ini.

- d) PDT Kuala Selangor mencadangkan supaya permit bagi pencucian pasir yang diberi kepada KSSB dapat ditukar daripada pemberian melalui Borang 4C kepada Borang 4B kerana menduduki kawasan tanah rizab kerajaan untuk mencuci pasir tersebut. Hal ini dijangka akan dapat meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri. Jawatankuasa difahamkan bahawa perkara ini telah dibawa ke peringkat PTGS untuk perhatian Kerajaan Negeri.

#### 4.6. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Langat

- a) Bilangan permohonan permit dan jumlah permohonan yang diluluskan bagi tahun 2010 sehingga 2015 (tidak termasuk permohonan bagi pembaharuan) adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

*Jadual 1: Bilangan Permohonan Permit*

Tahun	Bil Permohonan Diterima	Bil Permit Diluluskan
2010	1	1
2011	1	1
2012	5	4
2013	1	1
2014	3	3
2015	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>11</b>

- b) Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat dua (2) permohonan daripada pengusaha Tetuan RAMACON Corporation dan Tetuan Global Zeta Sdn Bhd untuk mengalihkan pasir laut yang telah di *stockpile* setelah dikeluarkan daripada laut (permit diberi daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) di mana mereka diberikan permit melalui Borang 4C.
- c) Namun demikian, setelah Pekeliling PTGS Bil. 2/2014 dikeluarkan, pihak PDT Kuala Langat hanya menerima permit permohonan bagi pemindahan pasir laut yang telah dibuat *stockpile* daripada KSSB dan bukan lagi pengusaha. Oleh itu, permohonan daripada kedua-dua pengusaha tersebut dibuat melalui KSSB pada tahun 2015 seperti di muka surat 6, **Lampiran VI**. Royalti daripada KSSB dikutip bagi permit Borang 4C yang telah dikeluarkan.
- d) Perincian kes dan tangkapan kecurian pasir di Daerah Kuala Langat adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

**Jadual 2: Bilangan Kes dan Tangkapan Kecurian Pasir**

Tahun	Bil. Kes/ Tangkapan
2010	17
2011	1
2012	9
2013	0
2014	1
2015	1
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>

Pihak PDT Kuala Langat memaklumkan bahawa penurunan kes berlaku apabila pihak PDT Kuala Langat melakukan operasi penguatkuasaan secara besar-besaran bagi membanteras perkara tersebut.

- e) Status Kertas Siasatan (*Investigation Paper [IP]*) adalah seperti di **Jadual 3** berikut:

**Jadual 3: Status IP**

PDTKL	Jumlah Kertas Siasatan	Kertas Siasatan Selesai	NFA	Dalam Tindakan Penyiasat	Dalam Simpanan Pegawai Penyiasat (Belum dihantar ke PUU PTGS)	Dalam Tindakan PUU PTGS
2010	17	17	-	-	-	-
2011	1	1	-	-	-	-
2012	9	7	-	-	-	2
2013	-	-	-	-	-	-
2014	1	-	1	-	-	-
2015	1	-	-	-	1	-
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>25</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>2</b>

Kompaun yang dikenakan ditetapkan oleh pihak Pendakwa menurut tatacara-tatacara yang telah ditetapkan.

- f) Tindakan bagi menangani kecurian pasir adalah seperti di muka surat **18, Lampiran VI** di mana ia termasuk pemantauan bersepadu bersama Agensi Kerajaan yang lain (PBT dan sebagainya). Isu yang dihadapi oleh pihak penguatkuasaan adalah kekangan logistik (*loader*) dan tenaga kerja (9 orang penguat kuasa), ketiadaan perlindungan insurans, ancaman dan ugutan daripada pihak luar dan kebocoran maklumat kepada pihak luar.

- g) Jumlah kutipan royalti adalah seperti di **Jadual 4** berikut:

**Jadual 4: Jumlah Kutipan Royalti**

Jenis Pengeluaran (Pasir, Pasir Sungai dan Pasir Laut)	Tahun					
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
KUTIPAN ROYALTI	3,266,077. 37	5,260,653. 13	3,662,716. 91	4,073,826. 90	5,595,399. 17	1,044,621. 27

- h) PDT Kuala Langat memaklumkan Jawatankuasa bahawa sekiranya *hotspot-hotspot* yang dikenal pasti di muka surat **7 hingga 10, Lampiran VI** diambil alih oleh pihak KSSB ia dapat dipantau dengan lebih baik. Kebanyakan kawasan *hotspot* yang dikenal pasti pada tahun 2010 adalah di atas tanah kerajaan (tepi sungai) namun setelah ia dibendung, masalah ini beralih ke kawasan-kawasan tanah hak milik. Perkara ini berkurangan setelah KSSB dibenarkan untuk mengambil alih operasi pengeluaran pasir di kawasan-kawasan *hotspot* tersebut.
- i) Turut dimaklumkan bahawa kajian masih dilakukan oleh pihak PTGS berkenaan pasir laut sebelum satu polisi konkrit berkenaan pengalihan/*stockpile* pasir laut dapat digubal dan dilaksanakan.

## 5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri supaya mengkaji keperluan peruntukan tambahan kepada PDT-PDT di Selangor terutama berkaitan penguatkuasaan. Jawatankuasa berpendapat sudah sampai masanya Unit Penguatkuasaan diperkuat dengan menambah bilangan penguat kuasa.
- 5.2. Jawatankuasa juga menyarankan supaya setiap penguat kuasa diberi perlindungan insurans yang sesuai serta memberikan ganjaran atau insentif yang setimpal bagi setiap penguatkuasaan yang berjaya dilaksanakan. Ini bertujuan untuk memastikan penguat kuasa-penguat kuasa yang dilantik Kerajaan Negeri sentiasa dilindungi dan mempunyai motivasi untuk membanteras salah laku di samping memupuk sikap integriti di kalangan mereka.
- 5.3. Jawatankuasa berharap supaya Kerajaan Negeri melalui PTGS dapat memberikan dasar atau polisi yang jelas berkenaan isu *stockpile* pasir laut memandangkan sesetengah PDT merasakan bahawa Pekeliling dari Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bil. 2/2014 hanya terpakai untuk aktiviti *stockpile* pasir daratan.
- 5.4. Jawatankuasa juga merasakan bahawa Penasihat Undang-undang perlu sentiasa proaktif di dalam membuat interpretasi terhadap mana-mana

ketidakjelasan sesuatu polisi, peraturan atau undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Negeri.


- 5.5. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengambil inisiatif untuk membangunkan semula tanah-tanah Kerajaan Negeri yang satu ketika dahulu digunakan sebagai kawasan melombong pasir / *stockpile* pasir supaya ia tidak disalah guna oleh mana-mana pihak secara haram atau dibiarkan tanpa menjana apa-apa pendapatan.
- 5.6. Kerajaan Negeri boleh menubuhkan sebuah skuad khas yang terdiri daripada kesemua agensi berkaitan seperti KSSB, Polis, PBT serta PDT supaya satu penguatkuasaan bersepadu dapat dijalankan bagi membanteras dan mengawal aktiviti kecurian/penyeludupan/*stockpile* pasir haram di seluruh Selangor.
- 5.7. Jawatankuasa juga mencadangkan supaya doket pasir yang dikeluarkan oleh KSSB ditambah dengan maklumat nama tempat pengeluaran serta operator yang dilantik sebagai salah satu '*check list*' bagi meningkatkan pemantauan operasi pengeluaran pasir.
- 5.8. Jawatankuasa juga mencadangkan supaya kawasan lombong pasir/*stockpile* ditandakan untuk memudahkan proses pemantauan dan tidak dicerobohi.
- 5.9. Jawatankuasa turut menyarankan Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu audit kehilangan hasil bagi tapak-tapak lombong yang sudah tamat permitnya tetapi masih beroperasi. Jawatankuasa Audit ini boleh melibatkan Jabatan Audit Negeri, Perbendaharaan Negeri, Penguat kuasa berkait, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), PTGS dan PDT yang terlibat.
- 5.10. Jawatankuasa juga mencadangkan Kerajaan Negeri untuk mengadaptasi teknologi baru bagi kerja-kerja pemantauan seperti penggunaan dron. Kerajaan Negeri juga boleh bekerjasama dengan Jabatan Penerangan Awam serta mana-mana agensi yang berkait untuk membangunkan teknologi ini dan seterusnya mengawal selia penggunaannya.
- 5.11. Jawatankuasa berharap supaya Kerajaan Negeri dapat memperbaiki teknologi komunikasi yang digunakan oleh penguat kuasa di PDT-PDT. Dalam jangka masa pendek, Kerajaan Negeri disarankan untuk membuat pembelian '*walkie talkie*' yang lebih canggih manakala dalam jangka masa panjang Kerajaan Negeri boleh mencari alternatif penggunaan alatan telekomunikasi yang lebih efektif, canggih dan selamat seperti perkhidmatan agensi *Malaysia Amateur Radio Emergency Services* (MARES).
- 5.12. Kerajaan Negeri juga boleh mempertimbangkan cadangan untuk melengkapkan unit pengualkuasaan di PDT-PDT dengan senjala api ataupun jaket kalis peluru bagi menjamin keselamatan mereka.

## **6. KESIMPULAN**

- 6.1. Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah diberikan oleh kesemua pegawai yang terlibat, Jawatankuasa mendapati bahawa kes-kes kecurian pasir, *stockpile* serta pemindahan pasir haram berada dalam keadaan yang terkawal. Namun demikian, Jawatankuasa berharap supaya pemantauan yang berterusan dapat dijalankan dengan mengambil kira saran-saran yang telah dikemukakan bagi memastikan kes-kes seperti ini tidak berulang.

## **7. PENUTUP**

- 7.1. Jawatankuasa ini ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
- 7.2. Semoga segalan saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN.
- 7.3. Ahli Jawatankuasa ini yang telah bermesyuarat pada **1 Julai 2015 di Shah Alam, Selangor** telah meluluskan penyata ini. Sekian, terima kasih.



Y.B.TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH

Pengerusi  
Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT)

## URUS SETIA

1. Puan Elya Marini binti Darmin  
*Setiausaha Bahagian Dewan*
2. Encik Jurasmadi bin Pauzi  
*Penolong Setiausaha (Dewan)*
3. Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
*Setiausaha Pejabat*
4. Encik Muhammad Khairil bin Khalid  
*Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker*

Perkara	Perihal	Tarikh	Tempat	Kepada	Keterangan
2010					
2011					
2012					
2013					
2014					
2015					
2016					
2017					
2018					
2019					
2020					
2021					
2022					
2023					
2024					
2025					
2026					
2027					
2028					
2029					
2030					
2031					
2032					
2033					
2034					
2035					
2036					
2037					
2038					
2039					
2040					
2041					
2042					
2043					
2044					
2045					
2046					
2047					
2048					
2049					
2050					
2051					
2052					
2053					
2054					
2055					
2056					
2057					
2058					
2059					
2060					
2061					
2062					
2063					
2064					
2065					
2066					
2067					
2068					
2069					
2070					
2071					
2072					
2073					
2074					
2075					
2076					
2077					
2078					
2079					
2080					
2081					
2082					
2083					
2084					
2085					
2086					
2087					
2088					
2089					
2090					
2091					
2092					
2093					
2094					
2095					
2096					
2097					
2098					
2099					
2000					



# **LAMPIRAN I**

## PDT GOMBAK

□

□

□

□

□

□

□

□

□

□

□

□

□

□

□


□

□

□

□

**LAPORAN KEPADA  
JAWATANKUASA PILIHAN  
MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN  
TANAH (JP-PADAT) TAHUN 2015**



## **LAPORAN RINGKAS**

### **LAPORAN KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) TAHUN 2015**

---

#### **1. TUJUAN :**

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Mesyuarat Jawatakuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) tahun 2015, khusus melibatkan isu-isu dan permasalahan berhubung kecurian pasir di Daerah Gombak.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1** Isu kecurian pasir di Negeri Selangor adalah isu yang hangat dibincangkan sekitar tahun 2008 hingga tahun 2010. Antara inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani isu kecurian pasir adalah dengan menujuhan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB). Usaha ini adalah bagi membantu Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan hasil royalti bahan batuan (pasir) dan dalam pada masa yang sama membanteras isu kecurian pasir.
  
- 2.2** Pihak Berkuasa Negeri di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bilangan ke 11/2009 dan bilangan ke 12/2009 bertarikh 8hb April 2009 dan 30hb April 2009, YAB Tan Sri Dato' Pengerusi telah mengarahkan supaya semua Pentadbir Tanah Daerah membatalkan serta merta semua permit

pengeluaran pasir dan pengeluaran Lesen Menduduki Sementara (TOL) bagi tanah berpasir kepada mana-mana pengusaha **SELAIN** daripada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).

- 2.3** Hasil dari usaha dan kerjasama ini telah memberi impak positif terhadap Industri Pasir di Selangor. Antaranya ialah:
- Aktiviti Perlombongan pasir lebih terkawal
  - Pengeluaran pasir dilaksanakan mengikut prosedur yang digariskan
  - Kutipan hasil negeri terjamin
  - Laporan dan aktiviti kecurian pasir dapat dikurangkan
- 2.4** Hasil dari keputusan ini juga tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan diseluruh Negeri Selangor. Antara impak terhadap keputusan ini adalah:
- Kawasan yang diluluskan dan diberikan permit kepada KSSB, dikawal selia sepenuhnya oleh KSSB
  - PTD dan PTG telah mengadakan operasi statik (24 jam)
  - PTD dan PTG telah mengadakan operasi penyitaan terhadap mesin dan jentera yang melakukan kerja kecurian secara tidak sah
  - PTD dan PTG telah mengadakan operasi rondaan berkala

- PTD juga telah membatalkan permit Lesen Pendudukan Sementara (TOL) kepada pengusaha-pengusaha yang menjalankan operasi pengeluaran pasir diatas tanah kerajaan.
- 2.5 Pentadbir Tanah Gombak telah mengenalpasti dan mengadakan lawatan tapak ke beberapa kawasan kecurian pasir yang telah beroperasi di dalam Daerah Gombak, yang diusahakan diatas tanah-tanah hak milik dan juga tanah kerajaan. Skop tempoh masa bagi semakan tindakan penguatkuasaan bagi tindakan yang diambil dalam isu pengeluaran pasir ini bermula dari tahun 2010 hingga 2015.

### **3. HASIL TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PTD GOMBAK DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

#### **3.1 Tangkapan**

Beberapa siri operasi bersepadu bersama PBT dan agensi kerajaan yang berkaitan telah dilaksanakan oleh PDT Gombak. Hasil dari maklumat yang diperolehi di Unit Teknikal dan Penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- Jumlah kertas siasatan (IP) tangkapan keatas kesalahan Seksyen 426 KTN dari tahun 2012 hingga ke 2015 adalah sebanyak 16 tangkapan kes.
- Sehingga kini, jumlah kes yang selesai (telah dikompaun) adalah sebanyak 8 kes

- Kes yang masih dalam semakan PUU PTG Selangor adalah sebanyak 4 kes
- Kes di dalam siasatan dan kemaskini maklumat oleh IO adalah sebanyak 4 kes
- Jumlah kompaun yang telah dibayar hasil tangkapan operasi pasir haram adalah sebanyak **RM155,000.00**.

### **3.2 Penutupan Lokasi Operasi Pasir Haram**

Setelah mendapat arahan dari Pihak Berkuasa Negeri, PDT Gombak telah mengadakan beberapa operasi penutupan tapak operasi pasir haram di beberapa lokasi di sekitar Daerah Gombak. Hasil operasi ini sebanyak 18 kawasan yang dikenalpasti sebagai tapak operasi tanpa permit sah.

Diantara 18 kawasan ini, 12 tapak diusahakan diatas tanah kerajaan dan baki 6 lokasi tapak diusahakan diatas tanah hak milik. Pengusaha pasir yang mengusahakan pasir diatas tanah kerajaan telah diarahkan menutup operasi dan permit pengeluaran pasir dan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dibatalkan serta merta.

Lawatan tapak yang diadakan pada bulan April 2015 dan hasil rondaan berkala Unit Penguatkuasa PDT Gombak mendapati bekas tapak-tapak tersebut telah tidak beroperasi kecuali di 4 lokasi tapak yang telah diluluskan kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).

Bagi tanah kerajaan yang telah digunakan oleh pengusaha ianya mengakibatkan kerugian hasil kepada kerajaan negeri. Pentadbir Tanah Gombak telah mengeluarkan notis 425 KTN ke atas pengusaha yang terlibat untuk mengosongkan tanah-tanah kerajaan tersebut. Sehingga kini tanah tersebut tidak diusahakan oleh sesiapa.

### **3.3 RONDAAN BERKALA DAN PEMANTAUAN**

Setelah tindakan penutupan lokasi pasir haram dikuatkuasakan, PDT Gombak telah mengadakan beberapa siri rondaan berkala dan pemantauan lokasi-lokasi lama dan baru berdasarkan aduan yang diterima. Hasil dari rondaan berkala dan pemantauan mendapati tiada usaha-usaha untuk kerja-kerja pengeluaran pasir dilokasi yang telah ditutup operasinya.

Antara beberapa permasalahan yang dihadapi oleh PDT Gombak dalam perlaksanaan penguatkuasaan keatas pengusaha lori yang membawa pasir:

- PDT Gombak hanya mempunyai 10 orang anggota Penguatkuasa bagi memantau aktiviti membawa muatan pasir meliputi keseluruhan daerah Gombak seluas 65,008 hektar dan 6 buah mukim. Kekurangan tenaga kerja ini adalah tidak mencukupi dalam usaha membanteras kegiatan pengeluaran pasir secara total.

- PDT Gombak tidak mempunyai kemudahan jentera dalam operasi membanteras pencerobohan tanah kerajaan. Seringkali operasi bagi usaha mengekang pencerobohan tanah kerajaan, PDT Gombak terpaksa memohon kepada PBT dan JKR untuk membantu usaha-usaha pencerobohan tanah kerajaan. Walaubagaimanapun, kadangkala PBT dan JKR juga terpaksa menggunakan jentera mereka untuk kerja-kerja.
- PDT Gombak juga menghadapi masalah pasir transit dari luar Negeri Selangor. Isu pasi transit stockpiles ini telah menjadi isu hangat setempat kerana dikatakan beroperasi secara haram. Walaubagaimanapun setelah beberapa operasi dan penahanan dilakukan terhadap lori-lori yang membawa pasir mendapat bahawa pasir-pasir tersebut adalah dibawa dari Negeri Perak dan Negeri Pahang dan mempunyai kelulusan permit eksport daripada Pihak Berkuasa Negeri Perak dan Pahang. Dalam hal ini lori-lori ini tidak melanggar mana-mana peraturan dibawah KTN 1965 kerana mendapat kebenaran untuk mengangkut muatan bahan batuan secara sah.
- PDT Gombak juga kadangkala menerima ugutan samseng dan kongsi gelap yang melindungi kegiatan lori-lori membawa pasir tanpa permit. Didalam hal ini, adalah menjadi bidang kuasa PDRM, JPJ dan SPAD untuk membantu PDT Gombak dalam setiap operasi yang dijalankan dan PDT Gombak sentiasa

mendapat kerjasama yang baik dari agensi tersebut.

Namun jumlah keanggotan agensi berkenaan adalah terhad.

#### **4. SYOR DAN CADANGAN PENTADBIR TANAH GOMBAK**

**4.1** Berikut adalah cadangan serta syor dari Pentadbir Tanah Gombak dalam usaha menghalang isu kecurian pasir

- Jumlah anggota penguatkuasa di PDT Gombak perlu ditambah dari semasa ke semasa bagi memudahkan urusan pemantauan dan operasi berkala.
- PDT Gombak memohon kepada kerajaan negeri agar membekalkan jentera kepada semua PDT bagi memudahkan urusan menghalang pencerobohan tanah-tanah kerajaan.
- Dalam usaha mengurangkan isu pasir transit dan stockpiles, PDT Gombak telah menerima pekeliling PTG Bil.2/2014 dan telah mengarahkan pengusaha-pengusaha pasir transit untuk memohon kepada KSSB bagi kerja-kerja mengangkut pasir dari tapak stockpiles.
- Dalam usaha mengelakkan ugutan samseng dan kongsi gelap, PDT Gombak sentiasa mengadakan operasi bersepadu secara berkala bersama agensi yang berkaitan.
- Pentadbir Tanah Gombak akan mengadakan penguatkuasaan melalui operasi statik di tanah kerajaan (jika terdapat aduan) bagi menyekat dan

memberhentikan operasi pengeluaran pasir dari lokasi tersebut.

Disediakan Oleh:


Unit Teknikal dan Penguatkuasaan  
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak

**MAKLUMAT KERTAS SIASATAN (IP) BAHAN BATUAN (PASIR) BAGI  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK DARI TAHUN 2010  
HINGGA 2015**

Tahun 2010  
hingga  
2015

16 kertas siasatan  
telah dibuka untuk  
siasatan dan dakwaan

- Jumlah tangkapan (pasir) dibawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara dari tahun 2010 hingga 2015 adalah sebanyak 16 kes
- Sehingga kini, jumlah kes yang selesai (telah dikompaun) adalah sebanyak 8 kes
- Kes yang masih dalam semakan PUU PTG Selangor adalah sebanyak 4 kes
- Kes di dalam siasatan dan kemaskini maklumat oleh IO adalah sebanyak 4 kes
- Jumlah kompaun yang telah dibayar hasil tangkapan operasi pasir haram adalah sebanyak RM155,000.00.



**SENARAI KAWASAN DIPERCAYAI PENGETAHUAN BAHAN BATUAN  
PASIR DI DAERAH GOMBAK MENGIKUT PECAHAN MUKIM**


BIL	KAWASAN	STATUS TANAH	TINDAKAN	STATUS TERKINI
1	Batu 31 (Kunci Produktif) MUKIM RAWANG 1	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
2	Batu 29 Air Hitam (sungai) MUKIM RAWANG 1	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
3	Sungai Choh Rawang (sungai belakang kilang) MUKIM RAWANG 1	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
4	Sg Garing (Rizab TNB) MUKIM RAWANG 1	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
5	Sg Garing (APMC) MUKIM RAWANG 1	Tanah Hak Milik	Ops statik/sita dan pemantauan	Permit telah diluluskan kepada KSSB
6	Sungai Bakau (sungai) MUKIM RAWANG 1	TOL	Ops statik/sita dan pemantauan	Telah ditutup dan TOL dibatalkan
7	Sungai Bakau (kolam ikan) MUKIM RAWANG 1	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Permit KSSB telah tamat tempoh
8	Sungai Samak (tanah merah) MUKIM RAWANG 1	Tanah Hak Milik	Ops statik/sita dan pemantauan	Diberikan permit dibawah PTD Gombak (disahkan bukan pasir oleh JMG)

9	Bandar Baru Kundang (dibelakang SRJKC Kundang) MUKIM RAWANG 2	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
10	Kundang Golf MUKIM RAWANG 2	Tanah Hak Milik	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
11	Hulu Kuang, Worldwide (anak sungai) MUKIM RAWANG 2	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
12	Kg Orang Asli Hulu Kuang (sungai) MUKIM RAWANG 2	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
13	CNY Hulu Kuang (Rizab orang asli) MUKIM RAWANG 2	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Diberikan permit dibawah PTD Gombak (disahkan bukan pasir oleh JMG)
14	Empangan Batu (JPS) MUKIM BATU	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Permit telah diluluskan kepada KSSB
15	Sungai Pusu (Desa Gemilang) MUKIM SETAPAK	Tanah Hak Milik	Ops statik/sita dan pemantauan	Permit telah diluluskan kepada KSSB
16	Sungai Pusu (UIA) MUKIM SETAPAK	Tanah Hak Milik	Ops statik/sita dan pemantauan	Permit telah diluluskan kepada KSSB

17	Batu 8 Gombak (sungai) MUKIM SETAPAK	Tanah Kerajaan	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup
18	Batu 16 Gombak (Mimaland) MUKIM SETAPAK	Tanah Hak Milik	Ops statik/sita dan pemantauan	Tutup

**SENARAI SYARIKAT YANG DIBERIKAN PERMIT BAHAN BATUAN (PASIR) DAN MASIH AKTIF (KSSB)**

BIL	SYARIKAT	PERMIT	LOKASI	TEMPOH PERMIT
1	WARNA GENERASI SDN.BHD	KSSB	EMPANGAN BATU	DISEMBER 2015
2	DAYA BERSIH SDN.BHD	KSSB	UIA GOMBAK	DISEMBER 2015
3	KUMPULAN SEMESTA SDN.BHD	KSSB	SUNGAI GARING(APMC)	DISEMBER 2015
4	BUKIT RATA ENTERPRISE	KSSB	KG DESA GEMILANG	DISEMBER 2015



# **LAMPIRAN II**

## PDT PETALING



# PENDENGARAN TERTUTUP JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) TAHUN 2015 DAERAH PETALING

## 1. AKTIVITI PENGETAHUAN / PEMINDAHAN PASIR

### 1.1. LATAR BELAKANG/ SIASATAN

- 1.1.1. Isu pasir di daerah petaling adalah melibatkan masalah pencucian pasir. Aktiviti ini berlaku apabila projek pembangunan menjalankan kerja-kerja pengorekkan tanah dan seterusnya tanah yang tidak diperlukan di bawa keluar untuk dibuang dan sebagainya. Tanah yang dikeluarkan dari projek pembangunan kebiasaannya tidak boleh digunakan semula bagi tujuan tambakan kerana struktur tanah yang lembik dan bercampur. Disebabkan tanah buangan tersebut tidak lagi boleh digunakan bagi tujuan tambakan, terdapat pengusaha yang menggunakan tanah-tanah tersebut dan diproses semula bagi tujuan mendapatkan pasir yang telah bercampur dengan tanah buangan.
- 1.1.2. Melalui siasatan yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasa Pejabat Tanah dan Daerah Petaling, tanah-tanah yang diproses semula kebanyakannya datang daripada projek MRT yang sedang giat menjalankan kerja-kerja pengorekan lubang terowong di Wilayah Kuala Lumpur dan ada juga datang dari hasil pembangunan dari daerah petaling dan sekitarnya.
- 1.1.3. Terdapat tiga tapak yang pernah diberikan kelulusan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Petaling bagi tujuan pemindahan pasir. Kelulusan tamat pada Disember 2014. Walaubagaimana pun penyambungan permit pemindahan tersebut tidak dapat diproses semula atas faktor arahan Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian Selangor yang

mengariskan bahawa setiap permohonan bagi tujuan pemindahan pasir perlulah melalui Kumpulan Semesta Sdn.Bhd. 044

## **1.2. KAWASAN YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI PENCUCIAN PASIR**

### **1.2.1. TAMAN PERINDUSTRIAN PUCHONG**

- a. Pemilik Tanah: Glomac Sdn.Bhd
- b. No hakmilik:HSD 112510
- c. Status tanah: Bangunan
- d. Keluasan tanah terlibat: 30 000 meter kaki persegi
- e. Operator: Weng Keong Earthwork
- f. Aktiviti: Pencucian dan stockpile pasir
- g. Status kelulusan: Pernah mendapat Kelulusan permit pemindahan pasir dari Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling. Kelulusan telah tamat pada Disember 2014.
- h. Status terkini: Tiada sebarang aktiviti pemindahan di atas tapak.

### **1.2.2. TAMAN PUCHONG PRIMA (PUCHONG PERDANA)**

- a. Pemilik Tanah: Mazkamaz Industries Sdn.Bhd
- b. No. hamilik: HSD 142070
- c. Status tanah: Bangunan Keluasan tanah terlibat: 40470 mp
- d. Operator: Puchong Damai Hardware
- e. Aktiviti: Mencuci dan Stockpile pasir
- f. Status Kelulusan: Pernah mendapat kelulusan permit pemindahan pasir dari Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling
- g. Status terkini: Tiada sebarang aktiviti berjalan

### **1.2.3. TAMAN KINRARA PUCHONG(PUCHONG PERDANA)**

- a. Pemilik Tanah: Millennium Sdn.Bhd
- b. No hakmilik: HSD 190474
- c. Status tanah: Bangunan
- d. Keluasan tanah terlibat:10000mp

- e. Operator: Sin Tat Hardware
- f. Aktiviti: Pencucian dan stockpile pasir
- g. Status kelulusan: Pernah mendapat Kelulusan permit pemindahan pasir dari Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling. Kelulusan telah tamat pada Disember 2014.
- h. Status terkini: Tiada sebarang aktiviti pemindahan di atas tapak.

## **2. TINDAKAN/ SYOR PEJABAT TANAH DAN DAERAH PETALING**

- 2.1.** Berhubung dengan pekeliling terbaru daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah Petaling tidak lagi memberi sebarang kelulusan kepada mana-mana operator yang membuat permohonan secara terus kepada Pejabat Tanah dan Daerah tanpa melalui Kumpulan Semesta. Arahan secara bertulis telah diberikan kepada kesemua operator supaya mematuhi tatacara permohonan yang terbaru. Selain itu, arahan supaya mengentikkan sebarang operasi pemindahan bahan batuan tersebut turut dikeluarkan selagi mana pihak operator masih belum mendapat sebarang kebenaran untuk melakukan pemindahan yang sah.
- 2.2.** Pejabat Tanah dan Daerah Petaling, mengesyorkan sekiranya masih terdapat aktiviti pencucian tanah/pasir berlaku tanpa kebenaran dan didapati terdapat pemindahan bahan batuan secara tidak sah penggunaan Seksyen 127 Kanun Tanah Negara dikenakan bagi membolehkan proses penguatkuasaan perlanggaran syarat dijalankan selain Seksyen 426 Kanun Tanah Negara yang digunakan kebiasaanya dalam proses penahanan lori. Kebanyakkan pengusaha pasir hanya menyewa tanah daripada pemilik tanah, dan aktiviti tidak boleh dijalankan sekiranya tidak mendapat sebarang kelulusan dari tuan tanah. Tuan Tanah adalah bertanggjawab penuh pada setiap aktiviti yang dijalankan di atas tanah mereka.

### **3. KEKANGAN DAN HALANGAN**

3.1. Unit penguatkuasa pejabat tanah dan daerah petaling mempunyai kekuatan pegawai dan anggota seramai dua(2) orang penolong pegawai tanah serta tujuh(7) pembantu penguatkuasa, kekuatan kenderaan untuk bergerak adalah sebanyak sebuah pacuan empat roda Toyata Hilux. Daerah petaling mempunyai tiga(3) buah pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya yang menyumbang kepada pelbagai aduan mengenai isu pencerobohan kerajaan serta penyalahgunaan tanah.

### **4. PENUTUP**

4.1. Pejabat Tanah dan Daerah Petaling akan melipat gandakan usaha dalam pemantauan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan tiada sebarang ketirisan hasil kerajaan negeri berlaku.

# **LAMPIRAN III**

## PDT HULU LANGAT

**RAHSIA**

**DOKUMEN INI IALAH HAKMILIK KERAJAAN SELANGOR**

Ruj. Bil (100) dlm PTD.HL(PGK)1000-4/2015

Ruj. ( 2 ) dlm DUN.SEL.304153 Jld 12

**KERTAS TAKLIMAT DAN PENJELASAN  
DARIPADA PENTADBIR TANAH HULU LANGAT**

